



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Date : <dd/mm/yyyy>

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

1 Apakah Insurans Bertempoh Menyusut Gadai Janji Berkumpulan (HPEL)? (Ini adalah produk insurans)

Insurans Bertempoh Menyusut Gadai Janji Berkumpulan (HPEL) ini menawarkan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh polisi 30 tahun bagi Hayat yang Diinsuranskan yang memperoleh pinjaman gadai janji dengan institusi kewangan dan ingin mendapatkan perlindungan daripada kejadian luar jangka untuk membayar balik apa-apa pinjaman gadai janji yang belum jelas. Pelan ini membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan jika anda meninggal dunia dalam tempoh polisi. Tambahan sebanyak 20% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar atas kematian akibat kemalangan. Perlindungan pelan ini adalah menyusut sepanjang tempoh polisi.

Pelan ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. ("Syarikat").

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai contoh, untuk RM 3,434.00 (Premium tidak Disatukan), anda akan menerima perlindungan insurans hayat berikut.

Kematian	Jumlah Diinsuranskan Asal RM 100,000.00 (Premium tidak Disatukan) yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan ("Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan").
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Jumlah Diinsuranskan Asal RM 100,000.00 (Premium tidak Disatukan) yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan ("Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan").
Kematian Akibat Kemalangan	Tambahan 20% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan, yang mana Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan adalah berdasarkan Jumlah Diinsuranskan yang Asal RM 100,000.00 (Premium tidak Disatukan) yang akan berkurang sepanjang tempoh perlindungan.
Rider pilihan yang boleh dilampirkan untuk produk ini	• Faedah Keluarga Tambahan Rider

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri dalam tempoh satu 1 tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans.
- Keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap pengecualian.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium Tunggal:	RM 3,434.00 (Premium tidak Disatukan)
Tempoh Perlindungan Polisi: 30 tahun	
Tempoh Bayaran Premium: Ini merupakan produk premium tunggal.	
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:	
Komisen	10% daripada premium atau RM 343.40, yang merupakan sebahagian daripada premium tunggal.
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0.00

4 Terma - terma yang lain

• Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan. • Pemberitahuan Tuntutan - Pemberitahuan secara bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kematian atau HUMK. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan. • Premium yang perlu dibayar dan terma polisi mungkin berubah bergantung pada pengunderaitan Syarikat. Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

? Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan Sijil Insurans kepada Pemilik Polisi dalam tempoh 15 hari selepas Sijil Insurans anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan polisi, Premium Tunggal yang telah dibayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik.
- **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada Pemilik Polisi. Setelah pembatalan polisi, kami akan mengembalikan Nilai Serahan kepada anda, kurang daripada sebarang hutang.

MAKLUMAT PENTING: ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS DAN POLISI INDUK DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). Pelan Insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
--



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Date : <dd/mm/yyyy>

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai rider anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; anda juga harus membacanya.

1 Apakah Faedah Keluarga Tambahan Rider? (Ini adalah produk insurans)

Faedah Keluarga Tambahan Rider ialah rider yang memerlukan bayaran premium dan menawarkan perlindungan insurans selama 30 tahun. Jumlah bersamaan dengan 1% daripada Jumlah Diinsuranskan Permulaan akan dibayar setiap bulan selama 12 bulan berturut-turut sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) ke atas Hayat Diinsuranskan dalam tempoh perlindungan rider.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai contoh, untuk RM 343.00 (Premium tidak Disatukan), anda akan menerima perlindungan insurans berikut.

Kematian	Sebanyak RM 1,000.00 selama 12 bulan berturut-turut
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sebanyak RM 1,000.00 selama 12 bulan berturut-turut

Rider anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans.
- Sebarang bentuk hilang upaya yang anda alami sebelum membeli pelan.

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap pengecualian.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi rider anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium Tunggal:	RM 343.00 (Premium tidak Disatukan)
Tempoh Perlindungan Rider: 30 tahun	
Tempoh Bayaran Premium: <i>Ini merupakan produk premium tunggal.</i>	
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:	
Komisen	10% daripada premium atau RM 34.30, yang merupakan sebahagian daripada premium tunggal.
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0.00

4 Terma - terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau rider ditamatkan.
 - Pemberitahuan Tuntutan - Pemberitahuan secara bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kematian atau HUMK. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan.
 - Premium yang perlu dibayar dan terma polisi mungkin berubah bergantung pada pengunderaitan Syarikat.
- Catatan:** Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Sijil Insurans dan Polisi Induk untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah rider ini.

? Bolehkah anda membatalkan rider anda?

Ya, anda hanya boleh membatalkan rider anda dengan membatalkan plan asas anda dan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan rider anda dengan mengembalikan Sijil Insurans kepada Pemilik Polisi dalam tempoh 15 hari selepas Sijil Insurans anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan rider, Premium Tunggal yang telah dibayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik.
- **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan rider pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada Pemilik Polisi. Setelah pembatalan rider, kami akan mengembalikan Nilai Serahan kepada anda, kurang daripada sebarang hutang.

MAKLUMAT PENTING: ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS RIDER YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INSURANS DAN POLISI INDUK DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). Pelan Insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
--